

712845

**PELAKSANAAN FUNGSI KOMUNITI
DI TIGA KAMPUNG DENGAN PERSEKITARAN
SOSIAL BUDAYA YANG BERBEZA
SUATU KAJIAN KES DI DESA CIMENYAN BANDUNG**

oleh

DWI YULIANI

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

Bidang Kerja Sosial

April 2013

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

April 2013

DWI YULIANI

P-SD0009/07 (R)

PENGHARGAAN

Puji syukur saya panjatkan kehadirat Allah SWT, kerana hanya dengan limpah kurnia-Nya maka saya boleh menyiapkan tesis ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya Profesor Madya Zulkarnain bin A.Hatta dan Profesor Madya Azlinda Azman. Alhamdulillah, Allah SWT telah memberikan penyelia yang senantiasa menyokong dan menyelia dengan penuh kesabaran sehingga saya telah berjaya menyelesaikan tesis ini. Daripadanya juga saya banyak mendapatkan motivasi untuk menentukan dan mengembangkan minat akademik untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang sebesar-besarnya tidak cukup untuk menggantikan kesabaran dan kesungguhan beliau dalam membimbing saya. Semoga Allah SWT senantiasa melimpahkan kurnia kepada beliau.

Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga saya sampaikan kepada yang amat terhormat Dr. Noriah Binti Mohamed, dan Profesor Dr. Ismail Baba. Mereka telahpun memberikan dorongan dan tunjuk ajar tanpa mengenal jemu, memberikan kepakaran dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, dari awal penulisan tesis ini sehingga ke tahap penyempurnaannya.

Dalam penyelesaian tesis ini juga, melibatkan pelbagai pihak yang sentiasa memberikan sokongan moral, material dan spiritual secara tulus. Oleh itu, penghargaan dan terima kasih saya kepada mereka yang berikut atas segala bantuan dan sokongan yang telah diberi.

Ketua Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial (STKS) Bandung, yang telah memberi kesempatan pada saya untuk mengikuti pengajian ijazah Doktor Falsafah di Universiti Sains Malaysia. Bapak Kepala Desa Cimenyan beserta seluruh staf yang

telah memberi izin melakukan penyelidikan, dan seluruh Warga Kampung Cirumaheud, Kampung Babakan Cimenyan, dan Kampung Babakan Cicaheum, yang dengan keramahan, kesungguhan, dan kejujurannya, telah memberikan sumbangan penting dalam penulisan tesis ini.

Ibu bapa saya (Bapak H. A.Zuchri dan Ibu Hj. E. Sudarti) yang doa-doanya tak pernah berhenti dialunkan untuk kesemua anaknya. Suami tercinta (Ayah Bambang Setiawan Suyono) dan anak-anakku tersayang (Mas Finlan dan Ade Lutfu), yang dengan kesabarannya secara berterusan memberi semangat sehingga saya dapat menyelesaikan penyelidikan dan penulisan tesis ini. Adik-adikku tersayang, terutama Moch Zaenal Hakim, Ph.D. yang telah banyak membantu tenaga, pikiran, dan masa dari awal saya belajar di USM sampai penyelesaian tesis ini. Sahabat tersayang Susiladiharti, melalui pikiran dan gagasan-gagasannya yang sangat cemerlang, sehingga banyak memberi masukan dalam penyelesaian tesis ini. Terakhir adalah teman-teman angkatan I USM-STKS yang dengan tangis dan tawa senantiasa saling memberi sokongan dalam rangka penyelesaian pengajian ini.

Akhirnya kepada semua pihak yang tidak dapat disebutkan satu persatu, saya sampaikan terimakasih yang tak terhingga semoga Allah SWT membalas semua kebaikan yang telah diberikan.

Pulau Pinang, April 2013

KANDUNGAN

MUKA SURAT

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI CARTA	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB I	PENDAHULUAN
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah Kajian	4
Persoalan Kajian	7
Objektif Kajian	8
Kepentingan Kajian	8
Stuktur Isi Kandungan	9
BAB II	SOROTAN LITERATUR
Pengenalan	11
Sorotan Kemiskinan	11
Definisi dan Dimensi Kemiskinan	12
Penunjuk Kemiskinan	13
Faktor Penyebab Kemiskinan	19
Persekitaran Sosial Budaya Komuniti	21

Fungsi Komuniti	24
Fungsi penyaluran, pengedaran dan kepenggunaan	24
Fungsi sosialisasi (<i>socialization</i>)	26
Fungsi pengawalan sosial (<i>social control</i>)	29
Fungsi penyertaan sosial (<i>social participation</i>)	32
Fungsi gotong royong (<i>mutual support</i>)	34
Kerja Sosial dengan Komuniti	36
Model Pendekatan	38
Proses Pemeraksanaan	42
Tujuan Pemeraksanaan	46
Prinsip-Prinsip Pemeraksanaan	48
Peranan Pekerja Sosial dengan Komuniti	56
Sorotan Kajian Terdahulu	60
Kerangka Kajian	73
BAB III	METODOLOGI KAJIAN
Pengenalan	76
Pendekatan Penyelidikan	76
Jenis Penyelidikan	77
Latar Penyelidikan	79
Sumber Data	80
Teknik Pengutipan Data	83
Tempoh Kajian	85
Rancangan Pemeriksaan Kesahan Data	86
Rancangan Analisis Data	90
Etika Penyelidikan	93

BAB IV PENEMUAN KAJIAN

Pengenalan	95
Gambaran Ciri-Ciri Tiga Kampung dengan Persekitaran Sosial Budaya yang Berbeza di Desa Cimenyan	95
Gambaran Komuniti Miskin Kampung Cirumaheud	98
Gambaran Komuniti Miskin Kampung Babakan Cimenyan	102
Gambaran Komuniti Miskin Kampung Babakan Cicaheum	107
Pelaksanaan Fungsi Komuniti Sederhana	
Kampung Cirumaheud	111
Pelaksanaan Fungsi pengeluaran, pendedaran dan kepenggunaan	112
Pelaksanaan Fungsi Sosialisasi	121
Pelaksanaan Fungsi Kawalan Sosial	143
Pelaksanaan Fungsi Penyertaan Sosial	148
Pelaksanaan Fungsi Gotong Royong (<i>Mutual Support</i>)	155
Pelaksanaan Fungsi Komuniti Pertengahan	
Kampung Babakan Cimenyan	161
Pelaksanaan Fungsi pengeluaran, pendedaran dan kepenggunaan	162
Pelaksanaan Fungsi Sosialisasi	173
Pelaksanaan Fungsi Kawalan Sosial	193
Pelaksanaan Fungsi Penyertaan Sosial	198
Pelaksanaan Fungsi Gotong Royong (<i>Mutual Support</i>)	206

Pelaksanaan Fungsi Komuniti Moden	
Kampung Babakan Cicaheum	210
Pelaksanaan Fungsi pengeluaran, pendedaran dan kepenggunaan	211
Perlaksanaan Fungsi Sosialisasi	222
Pelaksanaan Fungsi Kawalan Sosial	236
Pelaksanaan Fungsi Penyertaan Sosial	240
Pelaksanaan Fungsi Gotong Royong (<i>Mutual Support</i>)	246
Penutup	249
BAB V	
PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN KAJIAN	
Pengenalan	252
Perbincangan	254
Analisis tentang Gambaran komuniti di ketiga- tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza	254
Analisis Berkaitan dengan Pelaksanaan Fungsi Komuniti Di ketiga-tiga buah Kampung Dengan Persekitaran Sosial Budaya Yang Berbeza	264
Cadangan	316
Limitasi Kajian	336
Hala Tuju Kajian	338
Kesimpulan Kajian	339
RUJUKAN	342

LAMPIRAN	Kod: A	349
	Kod: B	350
	Kod: C	353
	Kod: D	356
	Kod: E	359

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Ciri-Ciri Persekitaran Sosial yang Berbeza	22
2	Pelaksanaan Fungsi Masyarakat Dilihat Dari Ciri-ciri Komuniti	35
3	Jumlah Informan Mengikut Jantina	82
4	Jumlah Informan Mengikut Kedudukan dalam Masyarakat	82
5	Taburan Komuniti Berdasarkan Ciri-ciri Komuniti	97
6	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cirumaheud Mengikut Peringkat Kesejahteraan	99
7	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cirumaheud Mengikut Jumlah Anggota Keluarga	100
8	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cirumaheud Mengikut Tahap Pendidikan	100
9	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cirumaheud Mengikut Mata Pencarian	102
10	Bilangan Penduduk Kampung Babakan Cimenyan Mengikut Status Kependudukan	103
11	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Babakan Cimenyan Mengikut Tahap Kesejahteraan	104
12	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Babakan Cimenyan Mengikut Jumlah Anggota	105
13	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Babakan Cimenyan Mengikut Tahap Pendidikan	106

14	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Babakan Cimenyan Menerusi Mata Pencarian	107
15	Bilangan Penduduk Kampung Babakan Cicaheum Mengikut Status Kependudukan	108
16	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cicaheum Mengikut Tahap Kesejahteraan	108
17	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cicaheum Mengikut Jumlah Jiwa	109
18	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cicaheum Mengikut Tahap Pendidikan	110
19	Bilangan Ketua Keluarga Kampung Cicaheum Mengikut Mata Pencarian	111
20	Ciri-ciri Informan Kampung Cirumaheud	112
21	Petikan Temu Bual Tentang Penyelenggaraan Kenduri Berkhatan Kampung Cirumaheud	128
22	Petikan Temu Bual Tentang Cara Sosialisasi Tradisi Tertentu Dilakukan di Kampung Cirumaheud	142
23	Petikan Temu Bual Tentang Kepatuhan Terhadap Norma yang Berkaitan dengan Pekerjaan	144
24	Petikan Temu Bual Tentang Alasan Tidak Terlibat dalam Berbagai-bagai aktiviti Organisasi Tempatan.	152
25	Petikan Temu Bual Tentang Pelbagai Jenis Kerja Ringan yang Masih Dilakukan Bersama	156
26	Ciri-Ciri Informan Kampung Babakan Cimenyan	161

27	Petikan Temu Bual tentang Pihak yang Membantu Menyediakan Bahan Makanan	164
28	Petikan Temu Bual tentang Keperluan Makanan	166
29	Petikan Temu Bual Berkaitan dengan Memenuhi Keperluan Pakaian	168
30	Petikan Temu Bual tentang Memenuhi Keperluan Kesihatan	171
31	Petikan Temu Bual tentang Memenuhi Keperluan Pendidikan	173
32	Petikan Temu Bual tentang Tujuan diadakan Kenduri Doa Selamat	178
33	Petikan Temu Bual tentang Bantuan Jiran	181
34	Petikan Temu Bual tentang Kebiasaan Melakukan Tradisi Tertentu	192
35	Petikan Temu Bual tentang Alasan Penyertaan dalam Kegiatan Kerajaan Tempatan	205
36	Ciri-ciri Informan Babakan Cicaheum	211
37	Petikan Temu Bual Tentang Penedaran Bahan Makanan	213
38	Petikan Temu Bual tentang Keperluan Makanan	215
39	Petikan Temu Bual Berkaitan dengan Memenuhi Keperluan Pakaian	217
40	Petikan Temu Bual tentang Memenuhi Keperluan Kesihatan	220

41	Petikan Temu Bual Tentang Kenduri Membina Rumah	231
42	Petikan Temu Bual Tentang Penyertaan Isteri dalam Mencari Nafkah	237
43	Petikan Temu Bual tentang Aktiviti Saling Membantu dalam Kerja Ringan	246
44	Tema-Tema Yang Dibahas Pada Perbincangan	253
45	Perbezaan Fungsi Pengeluaran, Pengedaran dan Kepenggunaan di ketiga-tiga Kampung dengan Persekitaran Sosial Budaya yang Berbeza	274
46	Perbezaan Pelaksanaan Fungsi Sosialisasi	285
47	Perbezaan Masyarakat Desa dan Kota	286
48	Perbezaan Pelaksanaan Fungsi Kawalan Sosial	297
49	Perbezaan Pelaksanaan Fungsi Penyertaan Sosial	306
50	Persamaan dan Perbezaan Jenis Aktiviti	310
51	Motivasi Aktiviti	311
52	Ringkasan Model	329
53	Sistem Penyertaan dan Pengorganisasian Program	333
54	Kenal pasti Kekuatan, Kelemahan, Peluang, dan Ancaman	334
55	Strategi yang Dilakukan	335

SENARAI CARTA

NO. CARTA	TAJUK	MUKA SURAT
1	Skema Pemerksaan Komuniti	45
2	Kerangka Kajian	74
3	Letak Desa Cimenyan di Kabupaten Bandung	79
4	Analisis Data Mengikut Kumpulan Subtema	92
5	Analisis Data Mengikut Kumpulan Tema Besar	93
6	Tema Pelaksanaan Fungsi Komuniti	250
7	Ciri-Ciri Komuniti	263
8	Pelaksanaan Fungsi Pengeluaran, Pengagihan dan Kepenggunaan	276
9	Pelaksanaan Fungsi Sosialisasi	288
10	Pelaksanaan Fungsi Kawalan Sosial	298
11	Pelaksanaan Fungsi Penyertaan Sosial	307
12	Pelaksanaan Fungsi Gotong royong	315
13	Proses Pemerksaan Komuniti	317
14	Model Menuju Masyarakat Mandiri dan Sejahtera (MANTERA)	319

SENARAI KEPENDEKAN

BKKBN	Badan Koordinasi Keluarga Berencana Nasional
BPS	Biro Pusat Statistik
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
IDT	Inpres Desa Tertinggal
Jamkesmas	Jaminan Kesehatan Masyarakat
KB	Keluarga Berencana
KK	Kepala Keluarga
KMKP	Kredit Modal Kerja Permanen
KTP	Kartu Tanda Penduduk
Mantera	Mandiri dan Sejahtera
LPPM	Lembaga Penelitian dan Pengabdian Kepada Masyarakat
MDG's	Millenium Development Goals
PKK	Pemberdayaan Kesejahteraan Keluarga
P2KP	Program Penanggulangan Kemiskinan Perkotaan
PPK	Program Pengembangan Kecamatan
Posyandu	Pos Pelayanan Terpadu
Puskesmas	Pusat Kesehatan Masyarakat
Raskin	Beras Miskin (Bantuan Pemerintah berupa beras murah)
RT	Rukun Tetangga
RW	Rukun Warga
SD	Sekolah Dasar
SDM	Sumber Daya Manusia
SLTA	Sekolah Lanjutan Tingkat Atas

SLTP	Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SMP	Sekolah Menengah Pertama
SMA	Sekolah Menengah Atas
UMR	Upah Minimum Regional

**PELAKSANAAN FUNGSI KOMUNITI DI TIGA KAMPUNG DENGAN
PERSEKITARAN SOSIAL BUDAYA YANG BERBEZA
SUATU KAJIAN KES DI DESA CIMENYAN BANDUNG**

ABSTRAK

Penyelidikan tentang pelaksanaan fungsi komuniti di ketiga-tiga kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza telah disokong oleh kenyataan bahawa pelbagai usaha telah dilakukan dalam mengatasi masalah kemiskinan dan ternyata mengalami kegagalan. Antara faktor yang menjadi penyebab adalah kerana program yang dirancang kerap kali tidak mengambilkira ciri-ciri komuniti tertentu. Ciri-ciri komuniti boleh mempengaruhi bagaimana komuniti tersebut melaksanakan fungsinya sehingga setiap ahli komuniti dapat memenuhi keperluan asasnya. Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini menfokus kepada persoalan bagaimana pelaksanaan fungsi komuniti di tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza? Tiga kampung tersebut merujuk kepada kampung yang mewakili komuniti sederhana, komuniti pertengahan, dan komuniti moden. Penyelidikan kualitatif ini mengetengahkan pendekatan kajian kes di tiga buah komuniti yang berbeza berdasarkan ciri-ciri komuniti sederhana, komuniti pertengahan, dan komuniti moden. Seramai 23 orang responden telah dipilih sesuai dengan kepelbagaian kes yang ditemui di lapangan. Teknik pungutan data dilakukan dengan menggunakan temu bual mendalam, pemerhatian secara berpernyataan, perbincangan kumpulan terfokus, serta kajian dokumentasi. Penemuan penyelidikan menggambarkan terdapat tahap perbezaan dalam kefungsi komuniti di ketiga-tiga komuniti dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza. Untuk komuniti sederhana, pelaksanaan fungsi komuniti adalah berjalan dengan baik, manakala

komuniti pertengahan pula mengalami pergeseran kerana banyak dipengaruhi oleh budaya luar sehingga fungsi komuniti tidak dapat dilaksanakan dengan optima. Pelaksanaan fungsi komuniti untuk komuniti moden juga didapati tidak dapat berjalan dengan optima. Perbezaan yang ditemui sebenarnya tidak mampu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat komuniti dan seterusnya untuk keluar dari kemiskinan. Berdasarkan hasil kajian ini, ternyata kualiti kehidupan masyarakat bukan sahaja dipengaruhi oleh kualiti kefungsiannya, tetapi juga sangat bergantung kepada intipati yang diproses dalam setiap fungsi itu sendiri. Hasil penemuan kajian ini telah membolehkan pembentukan satu model peningkatan pelaksanaan fungsi komuniti yang diberi nama *Masyarakat Mandiri dan Sejahtera (MANTERA)*. Kajian ini walau bagaimanapun memiliki keterbatasan terutamanya dari aspek lokasi kajian dan pilihan model yang diajukan. Oleh itu satu kajian lanjut perlu dijalankan dalam rangka menguji keberkesanan model yang dicadangkan.

**THE IMPLEMENTATION OF COMMUNITY FUNCTION IN THREE
KAMPUNGS WITH DIFFERENT SOCIAL CULTURAL ENVIRONMENT
A CASE STUDY IN CIMENYAN VILLAGE BANDUNG**

ABSTRACT

Research on the community functioning in the three kampongs with different social and cultural background has been conducted due to the failure of the many poverty alleviation efforts. An important factor that has contributed to the failure of is the improper planning that takes into consideration the specific characteristic of the community. The characteristics of a community is important in determining the community functioning towards fulfilling their basic needs. Based on this situation, this study specifically focuses on the community functioning in three kampongs with different social and cultural background? The three kampongs refers to kampong that represent simple community, medium community and modern community. This qualitative study has employed case study as the method utilized in three different communities which include the simple community, medium community and modern community. A total of 23 respondents were selected in accordance to the case variation found in the field. Data collection techniques used were through focus group discussions, observation through participatory, as well as documentation study. The study findings revealed that there are some differences in the community functioning of the three socio-culturally different communities. Community functions very well in the simple community. Whereas, the middle communities have suffered cultural shift to less optimal implementation of community functions. In the modern communities, community function were not implemented optimal. The differences found however unable to help increase the wellbeing of the community

and to further come out from the poverty cycle. Based on the study findings too, it appears that the quality of life is not only influenced by the quality of its community functionality, but also will depend on the essence of the process in each function itself. Findings from the study has them helped to formulate a model to strengthen community functioning among the poor community, namely *Masyarakat Mandiri dan Sejahtera (MANTERA)*. The study, however have some limitations, particularly in the aspect of study location and the methods used. It is therefore important to conduct a future study that can examine the effectiveness of the proposed model.

BAB I

Pengenalan

Latar Belakang

Dalam usaha menjadi sebuah negara yang turut beriltizam dalam pencapaian *Millenium Development Goals (MDG's)*, ikhtiar untuk menyelesaikan masalah kemiskinan merupakan perkara yang tidak boleh ditangguhkan lagi oleh pihak kerajaan Indonesia. Tindakan ini merupakan sesuatu yang konkrit daripada tanggungjawab negara dalam usaha mewujudkan hala tuju MDG's iaitu mengurangkan angka kemiskinan tegar dan kelaparan.

Indonesia yang memiliki penduduk terbesar keempat di dunia setelah Republik Rakyat China (RRC), India dan Amerika Syarikat, kini berhadapan dengan pelbagai persoalan. Salah satu persoalan besar yang harus diatasi ialah masalah kemiskinan. Jumlah penduduk Indonesia pada awal abad ke-21 berjumlah lebih daripada 200 juta orang, 70% antaranya menetap di luar bandar, yang sentiasa berhadapan dengan persoalan ketinggalan dan kemiskinan. Keadaan ini, antaranya ditandai dengan : 1) Pendapatan yang rendah, 2) Pendidikan yang rendah, 3) Pemahaman dan kesempatan yang terhad dalam mengakses sistem sumber serta 4) Penglibatan mereka dalam pembangunan yang tidak menyerlah.

Justeru, kerajaan Indonesia melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan bagi mengatasi masalah ini. Masalah kemiskinan masih terus menjadi perhatian kerajaan sehingga kini. Hal ini demikian kerana, masalah kemiskinan yang dihadapi adalah sangat kompleks. Indonesia terdiri daripada 13,000 pulau, memiliki penduduk dengan ciri-ciri yang beraneka ragam. Kepelbagaian inilah yang kemudiannya menjadi cabaran bagi pelbagai pihak dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan.

Kegagalan pelbagai program dalam usaha mengurangkan garis kemiskinan berpunca pada kurangnya pemerhatian terhadap komuniti. Ciri-ciri komuniti dapat menentukan cara komuniti tersebut menjalankan fungsinya, terutama dalam usaha menjamin ahli masyarakatnya dapat memenuhi keperluan asas.

Menurut Warren (Netting, 2004), terdapat lima fungsi komuniti yang dapat membantu warganya dalam mengatasi pelbagai persoalan, iaitu : 1) fungsi penyaluran, pengedaran dan kepenggunaan, 2) fungsi sosialisasi, 3) fungsi kawalan sosial, 4) fungsi penyertaan sosial serta 5) fungsi gotong-royong. Jika kelima-lima fungsi ini dijalankan mengikut kesesuaian dan keperluan ahli komuniti, maka persoalan kemiskinan akan dapat diatasi.

Pelaksanaan fungsi komuniti juga dapat dikaitkan dengan keanekaragaman komuniti yang dilihat daripada persekitaran sosial budaya. Menurut Soekanto (2004), terdapat tiga jenis persekitaran sosial budaya yang memiliki ciri-ciri yang berbeza, iaitu :

1. Persekitaran sosial budaya sederhana, dengan ciri-ciri: a) Hubungan dalam keluarga dan masyarakat tempatan sangat kukuh, b) Pelbagai kumpulan sosial yang ada di dalamnya berdasarkan adat resam yang terbentuk menerusi tradisi turun temurun, c) Hukum yang berlaku pada dasarnya tidak tercatat dan diketahui dan difahami oleh seluruh ahli masyarakat, d) Pelbagai aktiviti sosial ekonomi yang memerlukan kerjasama orang ramai dilakukan secara tradisional.
2. Persekitaran sosial budaya medium, dengan ciri-ciri : a) Hubungan keluarga tetap kukuh, tetapi hubungan dengan masyarakat tempatan sedikit berkurang, b) Adat resam sentiasa dihormati, tetapi sikap terbuka terhadap pengaruh dari luar mula berkembang, c) Hukum tertulis mulai mengiringi hukum tidak tertulis, d) Gotong-royong secara tradisional terhad kepada ahli keluarga yang ramai dan

jiran, oleh sebab hubungan kerja kerana dasar pemberian upah sudah mulai berkembang.

3. Persekitaran sosial budaya moden, dengan ciri-ciri : a) Hubungan antara manusia berdasarkan kepentingan peribadi yang sifatnya rasional, b) Kepercayaan yang kukuh pada kegunaan ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai suatu usaha meningkatkan kesejahteraan, c) Hukum tertulis berpegang pada peranan yang besar sama ada pengaturan, pengawasan mahupun pengendalian kehidupan manusia, d) Kerjasama antara ahli masyarakat berdasarkan kepentingan dan rasional.

Oleh yang demikian, memahami ciri-ciri setiap persekitaran sosial budaya, dapat diibaratkan dengan pelbagai komuniti. Ciri-ciri dalam persekitaran sosial budaya yang pertama sesuai dengan masyarakat luar bandar, ciri-ciri yang kedua iaitu kepada masyarakat peralihan di antara bandar dengan luar bandar, serta ciri-ciri ketiga adalah untuk masyarakat bandar.

Berdasarkan hal tersebut, penyelidikan ini dilakukan dengan mengkaji secara lebih mendalam terhadap komuniti di Desa Cimenyan, Kecamatan Cimenyan, Kabupaten Bandung. Pemilihan lokasi ini berdasarkan beberapa alasan seperti berikut:

1. Secara tipologi Desa Cimenyan ialah sebuah desa yang memiliki ciri-ciri unik, kerana terdiri daripada komuniti yang beraneka ragam. Beberapa komuniti sangat dekat dengan bandar sehingga ciri-ciri kemasyarakatannya menyerupai komuniti di kawasan bandar dan ada beberapa kelompok masyarakat yang bersifat sangat terpencil sehingga ciri-ciri kemasyarakatannya menyerupai komuniti luar bandar. Antara kedua-dua ciri ini dalam komuniti tersebut, terdapat pula satu komuniti

yang berada di tengah-tengah di antara bandar dengan luar bandar, sehingga ciri-cirinya menyerupai komuniti transisi.

2. Pola permukiman penduduk yang berkelompok dan diselangi oleh tanah kosong yang luas.
3. Secara geografikal Desa Cimenyan mempunyai keluasan 1,511,750 hektar dengan tipologi tanah perbukitan yang curam dan cenderung tandus pada ketinggian 800 – 1300 meter.
4. Secara demografikal, Desa Cimenyan memiliki penduduk sejumlah 11,540 orang atau 3,217 ketua keluarga. Sekitar 58% antaranya adalah keluarga miskin.

Berdasarkan alasan tersebut, penyelidik menentukan Desa Cimenyan Kecamatan Cimenyan Kabupaten Bandung sebagai lokasi penyelidikan untuk memahami secara mendalam mengenai pelaksanaan fungsi komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza. Berdasarkan ciri-ciri komunitinya, ditentukan tiga kampung di Desa Cimenyan yang mewakili komuniti sederhana, komuniti pertengahan, serta komuniti moden. Ketiga-tiga kampung tersebut ialah : 1) Kampung Cirumaheud mewakili komuniti sederhana, 2) Kampung Babakan Cimenyan mewakili komuniti pertengahan, dan 3) Kampung Babakan Cicaheum mewakili komuniti moden (penjelasan lebih lengkap tentang ciri-ciri ketiga-tiga buah kampung ini, dijelaskan dalam Bab IV).

Pernyataan Masalah Kajian

Berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2004, setidaknya terdapat 36,15 juta penduduk Indonesia berada dalam tingkat kemiskinan. Jumlah penduduk miskin sedikit menurun pada tahun 2005 menjadi 35,10 juta orang dan meningkat secara drastik pada tahun 2007 menjadi 39,30 juta orang. Bancian terakhir pada tahun 2008, Biro Pusat Statistik (BPS) mencatat seramai 37,17 juta orang masih berada

dalam keadaan miskin. Berdasarkan data tersebut, dapat dijelaskan bahawa usaha untuk menangani masalah kemiskinan masih belum menampakkan kejayaan. Bahkan menurut jangkaan beberapa pakar masalah kemiskinan, bilangan terbabit akan terus meningkat selari dengan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh negara ini. Hal ini demikian kerana usaha bagi menyelesaikan masalah kemiskinan harus sebaik sahaja mungkin diwujudkan.

Bagi menyelesaikan masalah kemiskinan dan membolehkan orang miskin dapat meningkatkan taraf kehidupannya, masyarakat miskin memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak sama ada kerajaan ataupun pihak swasta. Masyarakat tentu sahaja menjadi pihak terpenting dalam menentukan nasibnya, kerana merekalah yang paling banyak mengetahui masalah dan keperluannya.

Kegagalan pelbagai program yang dirancang oleh kerajaan, pada umumnya disebabkan program yang dirancang tidak berdasarkan keperluan komuniti, serta menyamaratakan program bagi masyarakat yang mempunyai latar belakang sosial budaya yang berbeza. Hasil kajian LPPM Universiti Katolik Darma Cendika (2007), menjelaskan bahawa kebanyakan program di bawah kerajaan Indonesia gagal kerana dianggap tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Semenjak tahun 1973, anak-anak yang berusia 6 hingga 15 tahun wajib untuk ke sekolah, tetapi hingga saat ini, bilangan yang tidak dapat melanjutkan pendidikan masih tinggi. Sejak tahun 1970, program yang berkaitan dengan kesihatan, seperti Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) dan Pusat Pelayanan Terpadu (Posyandu) diperkenalkan, tetapi hingga saat ini ramai orang tidak dapat menembusi perkhidmatan kesihatan. Selain itu, semenjak tahun 1974 hingga kini banyak program pembasmian kemiskinan, seperti Kredit Investasi Kecil (KIK), Kredit Usaha Tani (KUT), Inpres Desa Tertinggal (IDT), hingga program terbaru seperti Program Nasional Pengembangan Masyarakat

(PNPM) Mandiri, Program Keluarga Harapan (PKH) dan sebagainya telah diwujudkan, tetapi bilangan angka kemiskinan masih sangat tinggi.

Kegagalan pelbagai program yang dirancang oleh kerajaan, pada umumnya disebabkan oleh kekerapan program yang dirancang tidak berdasarkan keperluan yang diperlukan oleh komuniti, serta menyamaratakan program bagi setiap lapisan masyarakat yang mempunyai latar belakang sosial budaya yang berbeza. Maka dengan demikian, program seperti itu menjadi tidak ada kegunaannya kerana dirancang tidak berdasarkan keperluan masyarakat. Bagi mengetahui keperluan masyarakat, cara masyarakat melaksanakan fungsinya, sama ada fungsi pengeluaran, penyebaran, dan kepenggunaan, fungsi sosialisasi, fungsi kawalan sosial, fungsi penyertaan sosial serta fungsi bergotong-royong perlu dikaji.

Pemeriksaan (*empowerment*) komuniti menerusi peningkatan fungsinya, merupakan alternatif strategik dalam menyelesaikan masalah kemiskinan, kerana pelaksanaan komuniti menjadi penentu keupayaan ahli komuniti secara keseluruhan. Komuniti miskin dengan latar belakang persekitaran sosial budaya yang berbeza, harus diberikan kesempatan menggunakan kemajuan potensi sehingga dapat menyelesaikan masalahnya yang sesuai dengan keadaan mereka.

Dalam konteks tersebut, maka diletakkan strategi pemerikasaan masyarakat. Dasar pandangannya ialah, usaha yang dilakukan harus diarahkan terus pada pokok persoalan, iaitu meningkatkan kemampuan masyarakat sesuai dengan kekuatan yang dimiliki. Bahagian yang tertinggal dalam masyarakat harus ditingkatkan kemampuannya dengan sentiasa mengembangkan dan meningkatkan potensinya.

Berdasarkan huraian di atas, penyelidik tertarik untuk mengkaji secara lebih mendalam mengenai cara komuniti melaksanakan fungsinya. Pelaksanaan fungsi komuniti dilihat di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya

yang berbeza, iaitu dalam komuniti sederhana, komuniti medium, dan komuniti moden. Melalui pemahaman ini selanjutnya dikaji persamaan dan perbezaan fungsi komuniti untuk merancang sebuah model pemeraksanaan komuniti dengan meningkatkan fungsi komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza.

Persoalan Kajian

Penyelidikan ini dilakukan untuk membuat *gagasan Model pemeraksanaan komuniti miskin luar bandar melalui peningkatan fungsi komuniti*. Bagi kepentingan terbabit perlu difahami secara mendalam mengenai pelaksanaan fungsi komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza, iaitu Kampung Cirumaheud untuk komuniti sederhana, Kampung Babakan Cimenyan untuk komuniti pertengahan, dan Kampung Babakan Cicaheum untuk komuniti moden. Pelaksanaan fungsi komuniti dilihat dari aspek: 1) Pelaksanaan fungsi pengeluaran, penyebaran, dan kepenggunaan, 2) Pelaksanaan fungsi sosialisasi, 3) Pelaksanaan fungsi pengawalan sosial, 4) Pelaksanaan fungsi penyertaan sosial, dan 5) Pelaksanaan fungsi gotong-royong.

Justeru, soalan-soaln penyelidikan diperincikan terhadap aspek-aspek seperti berikut:

1. Bagaimana sifat-sifat komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza?
2. Bagaimana pelaksanaan fungsi komuniti sederhana di Kampung Cirumaheud?
3. Bagaimana pelaksanaan fungsi komuniti pertengahan di Kampung Babakan Cimenyan?
4. Bagaimana pelaksanaan fungsi komuniti moden di Kampung Babakan Cicaheum?

Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertujuan: i) memperoleh sifat-sifat komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza; ii) memperoleh gambaran mendalam dan kenyataan mengenai pelaksanaan fungsi komuniti dalam persekitaran budaya sederhana Kampung Cirumaheud, persekitaran budaya pertengahan Kampung Babakan Cimenyan, serta persekitaran sosial budaya moden Kampung Babakan Cicaheum; iii) berdasarkan hasil objektif sebelum ini, sebuah rancangan model pemeraksanaan komuniti akan dibentuk.

Kepentingan Kajian

Kajian tentang pelaksanaan fungsi komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang berbeza menghuraikan cara setiap komuniti dengan ciri-ciri yang berbeza memiliki kekhususan dalam pelaksanaan fungsinya. Meskipun secara amnya fungsi komuniti sama, tetapi pelbagai faktor yang membezakan komuniti tersebut menjadikan ada beberapa perbezaan dalam pelaksanaan fungsinya. Memahami persamaan dan perbezaan pelaksanaan fungsi komuniti merupakan hal yang penting bagi seseorang pekerja sosial agar dengan pemahaman ini dapat bekerja dengan masyarakat dengan memahami ciri-cirinya. Seperti prinsip kerja sosial, sentiasa menghargai keunikan individu, maka begitu pula dengan pemahaman terhadap keunikan komuniti akan sangat membantu pekerja sosial bekerja dengan komuniti dalam merancang pelbagai aktiviti sesuai dengan kekuatan dan keperluan mereka.

Berdasarkan masalah dan objektif yang hendak dicapai, diharapkan penyelidikan ini dapat memberikan manfaat sama ada secara teoretikal mahupun praktikal. Dalam manfaat teoretikal, diharapkan kajian ini dapat meningkatkan pengetahuan dan memberikan sumbangan dalam rangka pengembangan ilmu dan

profesion kerja sosial, khususnya berkenaan dengan pelaksanaan fungsi komuniti. Manakala manfaat praktikal, diharapkan kajian ini dapat memberikan pedoman bagi penyelesaian masalah kekurangan kemampuan komuniti dalam melaksanakan fungsi khususnya kepada komuniti yang memiliki ciri-ciri yang pelbagai, sehingga dengan pemahaman ini diharapkan dapat menyelesaikan masalah kemiskinan, khususnya kemiskinan dalam komuniti sederhana, pertengahan, dan moden, yang dikaitkan dengan pelaksanaan fungsi komuniti sehingga dapat mengatasi masalah berkenaan secara lebih berkesan.

Struktur Isi Kandungan

Penulisan tesis ini merangkumi lima bab, yang terdiri daripada Bab Pengenalan, Bab Sorotan Literatur, Bab Metodologi Kajian, Bab Penemuan dan Bab Perbincangan, Cadangan, Batasan, dan Hala Tuju Kajian. Bab Satu yang mengandungi pengenalan menjelaskan latar belakang sebab-sebab penyelidikan ini penting dilakukan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kegunaan kajian, serta struktur isi kandungan. Bab Dua berisi tentang sorotan literatur. Pada bahagian ini dijelaskan beberapa pemahaman teoretikal mengenai kemiskinan, persekitaran sosial budaya komuniti, fungsi komuniti, kerja sosial dengan komuniti, serta sorotan kajian terdahulu yang relevan dengan penyelidikan yang dilakukan. Bab Tiga berkaitan dengan metodologi kajian. Bab ini menjelaskan cara penyelidikan dilakukan terutama berkaitan dengan pendekatan yang digunakan, reka bentuk kajian, cara menentukan informan, teknik penyelidikan, rancangan pemeriksaan keabsahan data, serta rancangan analisis data. Selanjutnya pada Bab Empat dijelaskan mengenai penemuan kajian. Dalam bab ini disajikan gambaran hasil penyelidikan berkaitan dengan persoalan kajian yang diajukan, iaitu: 1) Gambaran komuniti di ketiga-tiga buah kampung dengan persekitaran sosial budaya yang

berbeza, 2) Pelaksanaan fungsi komuniti di Kampung Cirumaheud, 3) Pelaksanaan fungsi komuniti di Kampung Babakan Cimenyan serta 4) Pelaksanaan fungsi komuniti di Kampung Babakan Cicaheum. Bab terakhir, iaitu Bab Lima akan menjelaskan Perbincangan, Cadangan, Batasan dan Hala Tuju Kajian. Bab ini menjelaskan perbincangan, cadangan, batasan kajian dan hala tuju kajian. Pada bahagian perbincangan dijelaskan mengenai penemuan hasil penyelidikan dihubungkan dengan penemuan terdahulu, konsep-konsep serta teori-teori yang relevan. Pada bahagian cadangan dijelaskan tentang model yang diusulkan berkaitan dengan dapatan hasil kajian. Batasan kajian menjelaskan keterbatasan dari sudut kajian yang dilakukan, sama ada dilihat daripada tema, kaedah, skop wilayah, mahupun kemungkinan replikasi hasil kajian. Akhirnya dalam bahagian hala tuju kajian dijelaskan tentang kemungkinan perluasan kajian pada masa hadapan.

BAB II

SOROTAN LITERATUR

Pengenalan

Pada bahagian ini dijelaskan beberapa pemahaman teoritikal dan kajian terdahulu mengenai kemiskinan, persekitaran sosial budaya komuniti, fungsi komuniti, serta kerja sosial dengan komuniti. Pada bahagian penjelasan kemiskinan dipaparkan mengenai takrif, dimensi kemiskinan, penunjuk kemiskinan, serta faktor dan akibat kemiskinan. Perbahasan fungsi komuniti dan persekitaran sosial budaya komuniti mengulas fungsi komuniti secara am serta fungsi komuniti dikaitkan dengan persekitaran sosial budaya komuniti. Selanjutnya, dalam perbincangan kerja sosial dengan komuniti dijelaskan beberapa huraian terutama berkaitan dengan definisi, tujuan, prinsip, strategi, dan proses pemeraksanaan komuniti.

Pada bahagian akhir bab ini, sorotan kajian lepas dibincangkan. Sorotan ini membincangkan hasil penyelidikan mengenai pembasmian kemiskinan/ pemeraksanaan komuniti yang telah dilakukan serta kajian lain yang dipandang relevan. Sorotan ini dianggap sangat penting untuk menghindari peniruan penyelidikan dan untuk melengkapi penyelidikan-penyelidikan terdahulu.

Sorotan Kemiskinan

Masalah kemiskinan selalu menjadi topik menarik untuk dibincangkan dalam berbagai-bagai kesempatan sama ada kajian ahli akademik mahupun oleh para pengamal, bahkan sering kali menjadi perbahasan politik untuk kepentingan pada peringkat tempatan, serantau, mahupun antarabangsa.

Dalam perjalanan sejarahnya, Indonesia sentiasa dihadapkan dengan pelbagai persoalan, termasuklah persoalan kemiskinan yang tidak pernah berakhir sejak zaman sebelum merdeka sehingga pada hari ini. Ikhtiar mengatasi masalah kemiskinan sehingga pada hari ini masih menjadi agenda prioriti, bermula pada tumpuan pertumbuhan ekonomi hingga pada tumpuan pemeraksanaan masyarakat. Pelbagai kegagalan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan yang dialami oleh negeri ini, mengisyaratkan bahawa kemiskinan merupakan masalah yang sangat rumit dan memerlukan pandangan daripada berbagai-bagai unsur masyarakat, bukan hanya tanggungjawab pemerintah semata-mata.

Definisi dan Dimensi Kemiskinan

Istilah “kemiskinan” sangat dikenali, bukan lagi istilah baharu yang sulit difahami. Setiap orang pasti dapat membayangkan sesuatu situasi tertentu apabila mendengar istilah “kemiskinan” meskipun gambarannya mungkin berbeza-beza. Biro Pusat Statistik (BPS) dan Kementerian Sosial (2002), mentakrifkan kemiskinan sebagai sebuah keadaan yang berada di bawah garis nilai standard keperluan minimum, sama ada untuk makanan ataupun bukan makanan, yang disebut garis kemiskinan (*poverty line*) atau ambang kemiskinan (*poverty threshold*). Garis kemiskinan ialah sejumlah wang yang diperlukan oleh setiap individu untuk dapat membayar keperluan makanan setara 2100 kilo kalori per orang per hari dan keperluan bukan makanan yang terdiri daripada perumahan, pakaian, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, serta barangan dan keperluan yang lain.

Takrif tersebut memberikan batasan kemiskinan 2100 kilo kalori per orang perhari didasarkan pada kesetaraan pendapatan tertentu, batasan ini menggambarkan kemiskinan tegar. Menurut para pakar, antaranya Usman (2004), menjelaskan bahawa kemiskinan tegar merupakan salah satu bentuk kemiskinan. Terdapat tiga

bentuk lainnya, iaitu kemiskinan relatif, kemiskinan struktural, serta kemiskinan budaya. Kemiskinan relatif ialah keadaan pendapatan seseorang berada pada posisi di atas paras kemiskinan, namun relatif lebih rendah berbanding pendapatan masyarakat sekitarnya. Kemiskinan Struktural ialah keadaan atau situasi miskin kerana pengaruh dasar sosial pembangunan yang belum menjangkau seluruh masyarakat, sehingga menyebabkan ketidakwajaran pada pendapatan. Kemiskinan budaya merujuk persoalan sikap seseorang atau masyarakat yang disebabkan oleh faktor budaya, seperti tidak mahu berusaha untuk memperbaiki taraf kehidupan, sifat malas, boros, serta tidak kreatif. Empat bentuk kemiskinan tersebut, perlu dipelajari secara menyeluruh sebagai rujukan memahami kemiskinan sehingga dapat mengukur keadaan sebenar kemiskinan tersebut.

Penunjuk Kemiskinan

Ada beberapa pihak yang merumuskan penunjuk kemiskinan. Salah satunya ialah Biro Pusat Statistik (BPS). Pengukuran kemiskinan dilakukan dengan cara menetapkan nilai standard keperluan minimum, sama ada untuk makanan mahupun untuk bukan makanan yang harus dipenuhi oleh seseorang untuk dapat hidup secara layak. Penetapan nilai standard ini digunakan untuk membezakan antara penduduk miskin dengan penduduk tidak miskin.

Menurut BPS dan Kementerian Sosial (2002), secara am keperluan utama manusia untuk hidup secara layak sekurang-kurangnya mencakupi keperluan makanan dan bukan makanan (pakaian, perumahan, kesihatan, dan pendidikan). Untuk itu dapat dikatakan bahawa penduduk yang dikategorikan miskin, ialah mereka yang tidak dapat memenuhi keperluan makanan, pakaian, perumahan, kesihatan dan pendidikan.

BPS juga memberikan gambaran beberapa penunjuk kemiskinan yang mencerminkan paras kemiskinan yang betul dalam masyarakat, iaitu :

1. Pendapatan rendah, diukur daripada pendapatan yang diterima oleh ahli keluarga dibandingkan dengan Upah Minimum Regional (UMR).
2. Kebergantungan pada bantuan daripada pihak luar
3. Keterbatasan kepemilikan pakaian yang cukup bagi setiap ahli keluarga (hanya memiliki satu set pakaian lengkap setiap orang per tahun)
4. Tidak mampu membiayai perubatan jika ada salah seorang ahli keluarga yang sakit.
5. Tidak mampu membiayai pendidikan asas 9 tahun bagi kanak-kanak.
6. Tidak memiliki harta yang dapat dijual untuk membiayai keperluan hidup selama tiga bulan.
7. Terdapat ahli keluarga yang meninggal pada usia muda atau kurang daripada 40 tahun akibat tidak mampu mengubati penyakit sejak awal.
8. Terdapat ahli keluarga kurang daripada usia 15 tahun yang buta huruf.
9. Tinggal di rumah yang tidak layak dihuni.

Penunjuk kemiskinan tersebut bersifat pelbagai dimensi, iaitu setiap penduduk miskin dapat membezakan tahap kemiskinan masing-masing. Jika penduduk memiliki sekurang-kurangnya tiga ciri-ciri di atas, maka penduduk tersebut dikategorikan sebagai penduduk miskin yang layak mendapat perkhidmatan kesejahteraan sosial. Semakin banyak kriteria yang dipenuhi, semakin diutamakan penduduk tersebut untuk mendapat bantuan.

Selain BPS, Bank Dunia juga membuat ukuran tersendiri untuk melihat kemiskinan dengan memerhatikan kelompok 40 peratus penduduk berpendapatan rendah, iaitu : 1) Tahap ketidaksamarataan tinggi jika 40 peratus penduduk terbawah

menerima pendapatan lebih kecil daripada 12 peratus, 2) Tahap ketidaksamarataan sederhana jika 40 peratus penduduk terbawah menerima 12 hingga 17 peratus daripada jumlah pendapatan, 3) Tahap ketidaksamarataan rendah jika kumpulan tersebut menerima jumlah pendapatan lebih daripada 17 peratus. Untuk ukuran per individu, Bank Dunia memberikan batasan penduduk yang tergolong “sangat miskin” ialah mereka yang hidup dengan pendapatan kurang daripada satu dolar Amerika per hari, dan yang tergolong “miskin” ialah mereka dengan pendapatan kurang daripada dua dolar Amerika per hari.

Sajogjo (1989) menggunakan tahap pengeluaran setara beras per orang per tahun, iaitu : 1) *Miskin sekali* jika tingkat pengeluaran setara kurang daripada 240 kilogram beras bagi penduduk luar bandar dan 360 kilogram beras bagi penduduk yang tinggal di bandar. 2) *Paling miskin*, pengeluaran setara kurang daripada 180 kilogram beras bagi penduduk luar bandar dan 270 kilogram beras bagi penduduk yang tinggal di bandar. 3) *Miskin*, jika pengeluaran setara kurang daripada 320 kilogram beras bagi penduduk luar bandar, dan 480 kilogram beras bagi penduduk yang tinggal di bandar.

Ukuran lain dikemukakan oleh Drenowski (1972) dengan menggunakan indeks pematuhan keperluan asas dan keperluan tahap tinggi (lebih daripada cukup). Keperluan tersebut meliputi keperluan fizikal, psikologikal, dan sosial sebagai keperluan asas, serta ditambah jaringan sosial dan pengisian waktu luang sebagai keperluan lanjutan.

Penunjuk untuk aspek masing-masing yang dimaksudkan oleh Drenowski iaitu:

1. Pematuhan keperluan fizikal dengan penunjuk: a) pendapatan per kapita, diukur daripada jumlah wang atau setara dengan beras (terutama di daerah pertanian), b)

makanan diukur daripada kecukupan pengambilan makanan, mengikut gizi dan kalori yang diperlukan, c) perumahan dilihat daripada kelayakan rumah yang dihuni dan dapat diukur daripada indeks komposit tempat tinggal dan status kepemilikannya, d) pemilikan dan penguasaan tanah, diukur daripada status kepemilikan tanah dan luas tanah yang dimiliki, e) kesihatan, diukur daripada keadaan kesihatan dan akses terhadap perkhidmatan kesihatan.

2. Penunjuk keperluan sosial, diukur daripada: a) tahap pendidikan yang ditamatkan, b) pekerjaan dan status pekerjaan ketua rumah tangga, jumlah jam kerja per minggu dan jumlah ahli keluarga yang bekerja, c) aktiviti/penyertaan ahli keluarga dalam aktiviti sosial, serta d) pembahagian waktu antara kegiatan ahli keluarga di luar dengan di dalam rumah tangga.
3. Penunjuk rangkaian sosial, diukur daripada: a) kepemilikan kenderaan untuk menyokong mobiliti, b) akses ahli keluarga terhadap sumber ekonomi, c) akses keluarga terhadap sistem jaminan sosial (ansurans jiwa, ansurans kesihatan, ansurans rumah, dan ansurans kenderaan bermotor), serta d) akses ahli keluarga terhadap perkhidmatan sosial dan awam.

Ukuran kemiskinan lain dikemukakan juga oleh Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana (BKKBN) dengan menggunakan istilah lain untuk mengelompokkan masyarakat ke dalam kategori miskin dan tidak miskin. Sebutan yang digunakan oleh BKKBN dipandang lebih halus kerana pengelompokan masyarakat dilihat daripada sama ada mereka sudah sejahtera ataupun belum. Terdapat lima kelompok masyarakat menurut BKKBN, iaitu: 1) kelompok pra sejahtera, 2) kelompok sejahtera satu, 3) kelompok sejahtera dua, 4) kelompok sejahtera tiga, dan 5) kelompok sejahtera tiga ke atas. Kelompok tersebut memiliki kriteria masing-masing. Berikut ialah kriteria yang digunakan oleh BKKBN:

1. Keluarga Pra Sejahtera

Keluarga pra sejahtera ialah keluarga yang belum dapat memenuhi keperluan asasnya secara minimum, seperti keperluan pengajaran agama, makanan, keperluan hidup, papan dan kesihatan.

2. Keluarga sejahtera I

Keluarga Sejahtera I ialah keluarga yang sudah dapat memenuhi keperluan yang paling asas, tetapi belum dapat memenuhi keperluan yang lebih tinggi, dengan penunjuk yang digunakan seperti berikut:

- Ahli keluarga melaksanakan ibadah mengikut agama yang dianut.
- Pada amnya seluruh ahli keluarga makan dua kali sehari atau lebih banyak.
- Seluruh ahli keluarga memiliki pakaian yang berbeza untuk di rumah, bekerja/sekolah dan melancong.
- Bahagian terluas dari lantai rumah bukan dari tanah.
- Apabila anak atau ahli keluarganya yang lain sakit dibawa ke pusat kesihatan/ petugas kesihatan.

3. Keluarga sejahtera II

Keluarga Sejahtera II iaitu keluarga yang selain dapat memenuhi keperluan asas minimumnya dapat pula memenuhi keperluan sosial psikologinya, tetapi belum dapat memenuhi keperluan pengembangannya. Penunjuk yang digunakan terdiri daripada lima penunjuk pada Keluarga Sejahtera I yang ditambah dengan sembilan penunjuk seperti berikut:

- Ahli keluarga melaksanakan ibadah secara teratur mengikut agama yang dianuti masing-masing.
- Sekurang-kurangnya sekali seminggu keluarga menyediakan daging atau ikan atau telur sebagai lauk-pauk.

- Seluruh ahli keluarga memperoleh paling kurang satu set pakaian baharu sekali setahun.
- Luas lantai rumah paling kurang 8,0 m² untuk setiap penghuni rumah.
- Seluruh ahli keluarga dalam tiga bulan terakhir berada dalam keadaan sihat sehingga dapat melaksanakan tugas/fungsi masing-masing.
- Paling kurang seorang ahli keluarga yang berumur 15 tahun ke atas mempunyai penghasilan tetap.
- Seluruh ahli keluarga yang berumur 10-60 tahun boleh membaca tulisan latin.
- Seluruh anak berusia 6-15 tahun bersekolah.

4. Keluarga Sejahtera III

Keluarga dapat dikelompokkan ke dalam kelompok sejahtera III jika seluruh kriteria pada sejahtera II dipenuhi ditambah dengan terpenuhinya kriteria seperti berikut:

- Usaha keluarga dalam meningkatkan pengetahuan agama berjaya dilaksanakan
- Keluarga mempunyai simpanan
- Makan bersama paling kurang sekali sehari
- Ikut serta dalam kegiatan masyarakat
- Rekreasi bersama paling kurang sekali sebulan
- Memperoleh berita daripada surat khabar, televisyen, majalah, atau radio
- Ahli keluarga mampu menggunakan pengangkutan.

5. Keluarga Sejahtera III ke atas

Keluarga dikelompokkan ke dalam pra sejahtera III ke atas jika telah memenuhi seluruh kriteria sejahtera III ditambah dengan terpenuhinya kriteria seperti berikut:

- Memberikan sumbangan teratur dalam bentuk barangan kepada masyarakat
- Aktif sebagai ahli jawatankuasa organisasi dalam kemasyarakatan

(<http://statistika.terapan.files.wordpress.com/2011/02/pengertian-keluarga-sejahtera.pdf>.)

Maklumat daripada beberapa ukuran tersebut, dapat disimpulkan bahawa ukuran kemiskinan boleh dilihat daripada beberapa penunjuk. Pada amnya dilihat daripada dapat dan tidak dapatnya seseorang dalam memenuhi keperluan asas, iaitu keperluan pemakanan, pakaian, perumahan, kesihatan, dan pendidikan.

Faktor Penyebab Kemiskinan

Iltizam pemerintah Indonesia terhadap pembasmian kemiskinan telah dibuktikan oleh berbagai-bagai usaha sejak zaman awal pemerintahan Indonesia. Namun faktanya, masalah ini tidak menunjukkan penurunan, apatah lagi setelah negeri ini dilanda krisis kewangan.

Dalam usaha memahami punca kemiskinan, Usman (2004) memberikan gambaran pandangan dari dua sisi iaitu sisi kelompok *agrarian popularis* dan kelompok yang terdiri daripada para penjawat awam yang melihat bahawa inti daripada masalah kemiskinan ialah masalah budaya. Kelompok *agrarian popularism* mengatakan bahawa kemiskinan pada hakikatnya ialah masalah campur tangan yang terlalu luas dari negara dalam kehidupan masyarakat pada amnya. Masyarakat miskin dipandang sebagai orang atau kumpulan yang mampu membangunkan dirinya sendiri apabila kerajaan mahu memberikan kebebasan bagi kelompok itu untuk mengatur dirinya. Oleh itu, jalan keluar yang diusulkan adalah dengan memperkasakan komuniti berdasarkan kekuatan yang dimiliki.

Kelompok kedua, yang terdiri daripada para pegawai kerajaan, menganggap bahawa orang menjadi miskin kerana tidak memiliki etos kerja yang tinggi, tidak

memiliki jiwa kewirausahaan, sumber manusianya rendah, serta pendidikan yang rendah, yang kesemuanya berhubung kait dengan aspek budaya dan perilaku.

Pendapat lain mengenai penyebab kemiskinan dikemukakan oleh Rahardjo (2006) yang menyatakan ada tujuh faktor yang menjadi penyebab kemiskinan di Indonesia, yaitu :

1. Kemiskinan disebabkan peluang pekerjaan yang sedikit (miskin kerana tidak bekerja atau tidak mempunyai pekerjaan).
2. Upah gaji di bawah standard minimum
3. Produktiviti kerja rendah
4. Ketiadaan aset (kemiskinan terjadi kerana tidak memiliki aset)
5. Diskriminasi
6. Tekanan harga (biasanya berlangsung pada petani kecil atau tukang dalam industri rumah tangga)
7. Penjualan tanah yang berpotensi

Berdasarkan pendapat tersebut dapat disimpulkan bahawa faktor penyebab kemiskinan dapat digolongkan ke dalam dua bahagian iaitu :

1. Faktor struktural, iaitu faktor yang ada di luar individu atau keluarga yang menyebabkan terjadinya kemiskinan, antara lain: dasar sosial awam yang belum berpihak kepada keluarga miskin, tidak tersedianya perkhidmatan sosial asas, terbatasnya peluang pekerjaan, belum terciptanya sistem ekonomi kerakyatan, serta ketidakwajaran dan ketidakadilan.
2. Faktor budaya yang dicirikan oleh ketidakmampuan dalam memenuhi keperluan asas harian, ketidakmampuan menampilkan peranan sosialnya, serta ketidakmampuan dalam usaha mengatasi masalah-masalah sosial yang

dihadapinya, seperti tidak memiliki kepakaran yang sesuai, kurang motivasi, kurang kepercayaan diri, serta kurang dapat mengakses maklumat.

Persekitaran Sosial Budaya Komuniti

Komuniti yang dikategorikan miskin pada dasarnya memiliki kemampuan atau potensi yang ada pada dirinya sebagai modal dalam melaksanakan tugas-tugas kehidupannya walaupun dalam keterbatasan. Keupayaan atau kemampuan komuniti miskin akan berbeza dalam setiap komuniti dengan lingkungan sosial budaya yang berbeza. Perbezaan ini oleh Soekanto (2004) digambarkan kerana komuniti masing-masing memiliki ciri-ciri berbeza, iaitu :

1. Komuniti dengan persekitaran sosial budaya sederhana, dengan ciri-ciri: a) hubungan dalam keluarga dan masyarakat tempatan sangat kukuh, b) pelbagai kumpulan sosial yang ada di dalamnya didasarkan pada adat resam yang terbentuk menurut tradisi turun-temurun, c) hukum yang berlaku pada dasarnya tidak tercatat dan diketahui dan difahami oleh seluruh ahli masyarakat, d) pelbagai aktiviti sosial ekonomi yang memerlukan kerjasama orang ramai dilakukan secara tradisional.
2. Komuniti dengan persekitaran sosial budaya pertengahan, dengan ciri-ciri : a) hubungan keluarga tetap kukuh, tetapi hubungan dengan masyarakat tempatan sedikit berkurang, b) adat resam sentiasa dihormati, tetapi sikap terbuka terhadap pengaruh dari luar mulai berkembang, c) hukum tertulis mula mendampingi hukum tidak tertulis, d) gotong-royong secara tradisional terhad pada keluarga besar dan jiran, oleh sebab hubungan kerja kerana dasar pemberian upah sudah mula berkembang.

3. Komuniti dengan persekitaran sosial budaya moden, dengan ciri-ciri : a)

Hubungan antara manusia didasarkan pada kepentingan peribadi yang sifatnya rasional, b) Kepercayaan yang kukuh pada kegunaan ilmu pengetahuan dan teknologi sebagai suatu upaya meningkatkan kesejahteraan, c) Hukum tertulis memegang peranan yang besar dalam pengaturan, pengawasan mahupun pengendalian kehidupan manusia, d) Kerjasama antara ahli masyarakat didasarkan pada kepentingan dan rasionaliti.

Berdasarkan huraian di atas, secara lebih jelas dapat digambarkan dalam jadual agar lebih mudah memahami perbandingan ketiga-tiga perbezaan daripada ciri-ciri komuniti.

Jadual 1 .
Ciri-Ciri Persekitaran Sosial yang Berbeza

Ciri-Ciri	Persekitaran Sosial Budaya Sederhana	Persekitaran Sosial Budaya Pertengahan	Persekitaran Sosial Budaya Modern
Hubungan dalam keluarga dan masyarakat	Sangat kukuh	Dengan keluarga kukuh tetapi dengan masyarakat agak mengendur	Hubungan antara manusia didasarkan pada kepentingan peribadi yang rasional
Kumpulan sosial	Didasarkan pada adat resam yang terbentuk menurut tradisi turun temurun	Adat resam masih dihormati tetapi sikap terbuka dengan dunia luar mula berkembang	Kepercayaan yang kuat pada manfaat ilmu pengetahuan dan teknologi
Hukum yang berlaku	Tidak tertulis, diketahui, dan difahami oleh seluruh warga	Hukum tertulis mula mendampingi hukum tidak tertulis	Hukum tertulis memegang peranan yang besar
Aktiviti sosial ekonomi	Memerlukan kerjasama orang ramai dan dikerjakan secara tradisional	Kerjasama terbatas pada keluarga luas dan jiran, kerana hubungan kerja kerana dasar pemberian upah sudah berkembang	Kerjasama antara warga didasarkan pada kepentingan dan rasional

Sumber: Diadaptasi daripada Soekanto (2004)

Memahami ciri-ciri pada setiap persekitaran sosial budaya, dapat dikiaskan dengan keberanekaragaman komuniti. Ciri-ciri pada persekitaran sosial budaya pertama sesuai dengan masyarakat pada komuniti sederhana, ciri-ciri kedua sama dengan komuniti peralihan atau komuniti pertengahan, serta ciri-ciri ketiga sama dengan masyarakat moden. Hal ini demikian kerana untuk memahami komuniti secara menyeluruh, diperlukan pemahaman menyeluruh pula terhadap masing-masing komuniti yang berbeza.

Perbezaan ciri-ciri pada setiap komuniti membawa kesan pada beranekaragamnya keupayaan komuniti miskin dalam mengaturkan strategi untuk memenuhi keperluan hidupnya. Menurut Suharto (2005) terdapat tiga aspek keupayaan, iaitu: 1) keupayaan secara ekonomi, 2) keupayaan dalam mengakses manfaat kesejahteraan, dan 3) keupayaan budaya dan politik. Pendapat lain dikemukakan oleh Susiladiharti dalam Abu Huraerah (2003) yang menggambarkan lima dimensi keupayaan iaitu : 1) keupayaan memenuhi keperluan asas, 2) keupayaan mengakses sumber, 3) keupayaan menyedari kekuatan dan kelemahan, 4) keupayaan dalam melibatkan diri pada setiap aktiviti kemasyarakatan, serta 5) keupayaan dalam mengendalikan diri dan persekitarannya.

Pada pandangan tersebut dapat dijelaskan bahawa kemampuan utama komuniti ialah cara ia dapat memenuhi keperluan asasnya. Pada upaya memenuhi keperluan tersebut sering kali warga komuniti dihadapkan pada pelbagai hambatan sehingga perlu sumber untuk mengatasi hambatan tersebut. Penyediaan sumber dan kemampuan warga mengakses sistem sumber tersebut sangat beranekaragam bergantung pada persekitaran sosial budayanya. Persekitaran sosial budaya juga menentukan cara komuniti melaksanakan fungsinya.

Fungsi Komuniti

Kemampuan komuniti mengatasi pelbagai soalan ditentukan oleh cara komuniti menjalankan fungsinya. Meskipun komuniti memiliki ciri-ciri yang berbeza, namun keseluruhannya memiliki fungsi yang sama. Menurut Waren dalam Netting, Kettner, dan Mc. Murtry (2004) fungsi komuniti ialah :

1. Fungsi penyaluran, pengedaran dan kepenggunaan. Kegiatan-kegiatan komuniti dirancang untuk memenuhi keperluannya terutama keperluan asasnya seperti makanan, pakaian, perumahan, kesihatan, dan sebagainya.
2. Fungsi sosialisasi (*socialization*). Meneruskan atau mewariskan norma-norma, tradisi-tradisi, dan nilai-nilai yang selama ini dianuti oleh orang-orang yang berinteraksi dalam komuniti.
3. Fungsi pengawalan sosial (*social control*). Masyarakat sentiasa mengharapkan warganya untuk mentaati norma-norma dan nilai-nilai yang dianuti melalui penetapan hukum, peraturan dan sistem penguatkuasaannya.
4. Fungsi penyertaan sosial (*social participation*). Masyarakat menyediakan kemudahan bagi para ahlinya untuk mengekspresikan aspirasi-aspirasi dan kepentingan-kepentingannya untuk membangunkan rangkaian sokongan dan pertolongan melalui interaksi dengan warga masyarakat yang tergabung dalam kumpulan-kumpulan, pertubuhan-pertubuhan, dan agensi-agensi.
5. Fungsi gotong-royong (*mutual support*). Keluarga, teman, jiran, kumpulan sukarela, dan pertubuhan profesional yang tergabung dalam sebuah masyarakat selalunya saling membantu satu sama lain.

Fungsi Penyaluran, Pengedaran dan Kepenggunaan

Fungsi penyaluran, pengedaran dan kepenggunaan sebagaimana dijelaskan oleh Warren dalam Netting (2004) merangkumi aktiviti-aktiviti komuniti yang